

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

HIS 304 - Sistem Kehakiman Islam

Tarikh: 2 November 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari.
(3 jam)

Jawab TIGA(3) soalan. SATU(1) soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C.

BAHAGIAN A - Jawab SATU(1) soalan

1. Beberapa orang ulama besar di zaman dahulu menolak pelawaan pihak yang berkuasa untuk memegang jawatan hakim; bahkan mereka lebih sanggup menerima seksaan daripada menerima pelawaan; padahal menjadi hakim hukumnya fardu kifayah.
 - (a) Huraikan mengapa mereka bersikap demikian.
 - (b) Hubungkan sikap mereka ini dengan kebebasan hakim mengambil keputusan hukum menurut sistem kehakiman Islam.
 - (c) Kemukakan pula dalil-dalil yang menggalakkan menjadi hakim.
2. Menurut Ibn Rusyd para ulama telah ijmak bahawa di dalam kes harta-benda keputusan hakim yang zahir tidak dapat menghalalkan yang haram dan tak dapat pula mengharamkan yang halal.
 - (a) Huraikan maksud pernyataan di atas.
 - (b) Di hadapan Rasulullah (s.a.w.) telah berlaku suatu kes yang isinya membenarkan pernyataan ini. Huraikan kes tersebut dan kemukakan ucapan Nabi (s.a.w.) mengenainya.
 - (c) Kemukakan pula kes Ali ibn Abi Talib lawan seorang Yahudi di zaman Khalifah 'Umar ibn Al-Khattab yang daripadanya dapat ditarik kesimpulan bahawa di dalam kes hartabenda hakim mungkin hanya sampai kepada kebenaran yang formal.

.../2

BAHAGIAN B - Jawab SATU(1) soalan

3. "Tolaklah hadd dengan syubhat" [Hadith Nabi (s.a.w.)]. Apakah yang dimaksud oleh hadith ini berkenaan dengan keyakinan hakim tentang kejahatan yang dituduhkan ke atas tertuduh? Huraikan.
4. Tentang kebenaran perempuan menjadi hakim berselisih pendapat para mujtahid. Kemukakan pendapat-pendapat yang berbeza itu. Kemukakan pula alasan ulama yang membenarkannya.

BAHAGIAN C - Jawab SATU(1) soalan

5. Ikrar, adalah salah satu pembuktian yang dapat dikemukakan di dalam mahkamah, sama ada di dalam kes harta, hudud maupun qisas. Kes Ma'iz adalah salah satu contoh pembuktian dengan ikrar.
 - (a) Anda diminta mengisahkan semula kes itu dan huraikan.
 - (b) Di dalam kes-kes apakah ikrar itu boleh ditarik balik?
6. "...dan jangan kamu sembunyikan kesaksian dan sesiapa menyembunyikannya sesungguhnya berdosalah hatinya..." (Q.2:283). "...dan tiada diberi mudarat akan penulis dan tidak juga saksi..." (Q.2:282). "...dan janganlah enggan para saksi jika mereka dipanggil..." (Q.2:282).

Ayat-ayat ini menerangkan beberapa perkara berkenaan dengan kesaksian sebagai salah satu alat pembuktian. Huraikan perkara-perkara yang dimaksud oleh ayat-ayat tersebut.